

P.U.(A) 322/2009

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (LEVI KE ATAS TRANSAKSI  
SEKURITI)(PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) (Pindaan) 2009.**  
  
(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1995 [P.U. (A) 281/1995] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan perkataan “berkenaan dengan pembelian atau penjualan sekuriti yang berjumlah melebihi RM500,000 jumlah levi yang diperolehi daripada fi penjelasan hendaklah dihadkan kepada wang sejumlah RM37.50 bagi setiap kontrak” dengan perkataan “jumlah levi yang diperoleh daripada fi penjelasan hendaklah dihadkan kepada wang sejumlah RM93.75 bagi setiap kontrak”.

Dibuat 18 Ogos 2009

[PP(S) 0.471 Sj. 1 Jld. 3; PN(PU<sup>2</sup>)523/III]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

*Menteri Kewangan Kedua*